



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

VERSI DALAM TALIAN TEKS  
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

---

**Akta 662**

## **AKTA KUMPULAN WANG PERSARAAN 2007**

*Sebagaimana pada 1 Disember 2015*

**AKTA KUMPULAN WANG PERSARAAN 2007**

Tarikh Perkenan Diraja	... ..	12 Februari 2007
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	... ..	13 Februari 2007
Kali terakhir dipinda melalui Akta A1496 yang mula berkuat kuasa pada	... .. ... ..	21 Oktober 2015

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama* ... .. 2012

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 662

### AKTA KUMPULAN WANG PERSARAAN 2007

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

##### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

##### BAHAGIAN II

##### KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)

3. Penubuhan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
4. Fungsi dan kuasa Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- 4A. Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) boleh bertindak sebagai ejen Kerajaan
5. Meterai perbadanan
6. Lembaga
7. Panel Pelaburan
8. Jawatankuasa
9. Ketua Pegawai Eksekutif
10. Pelantikan pegawai, pekhidmat, wakil, ejen, dsb.
11. Penzahiran kepentingan
12. Kuasa Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan

## BAHAGIAN III

## KEWANGAN

## Seksyen

13. Kumpulan Wang Persaraan
14. Pelaburan Kumpulan Wang
15. Wang tak dituntut
16. Akta Badan Berkanun (Akuan dan Laporan Tahunan) 1980
17. Anggaran tahunan

## BAHAGIAN IV

## AM

18. Jaminan Kerajaan bagi pembayaran
19. Percubaan dan perubahatan yang boleh dihukum sebagai kesalahan
20. Liabiliti pengurus, dsb.
21. Pekhidmat awam dan perlindungan
- 21A. Obligasi kerahsiaan
22. Kuasa untuk meminda Jadual

## BAHAGIAN V

## PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

23. Pemansuhan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991
24. Penerusan undang-undang, dsb.
25. Perpindahan kuasa, dsb.
26. Pemindahan hak milik tanah dan harta
27. Kontrak sedia ada
28. Penerusan prosiding sivil dan jenayah
29. Pemindahan Kumpulan Wang

## JADUAL

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 662

#### AKTA KUMPULAN WANG PERSARAAN 2007

Suatu Akta untuk memperbadankan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), untuk menubuhkan Kumpulan Wang Persaraan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berbangkit dan bersampingan dengannya.

[1 Mac 2007, P.U. (B) 62/2007]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“debentur” termasuklah stok debentur, bon, nota dan apa-apa sekuriti lain sesuatu syarikat atau perbadanan sama ada membentuk suatu gadaian atau tidak ke atas aset syarikat atau perbadanan itu;

“jawatankuasa” ertinya sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 8;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) yang dilantik di bawah seksyen 9;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Persaraan yang ditubuhkan di bawah seksyen 13;

“Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) ertinya Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Lembaga: ertinya Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan);

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“Panel Pelaburan” ertinya Panel Pelaburan yang ditubuhkan di bawah seksyen 7;

“saraan” termasuklah gaji atau upah, elaun, faedah perubatan, perumahan percuma atau diberikan subsidi dan keistimewaan lain yang boleh dinilai dalam wang;

“sekuriti” ertinya —

- (a) debentur, saham atau bon yang diterbitkan atau dicadangkan untuk diterbitkan oleh mana-mana kerajaan;
- (b) syer dalam atau debentur pertubuhan perbadanan;
- (c) amanah saham, dana dagangan bursa atau surat cara yang ditetapkan; dan
- (d) apa-apa sekuriti Islam,

dan termasuklah apa-apa hak, opsyen atau kepentingan berkenaan dengannya;

“syarikat” ertinya sesuatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], suatu syarikat amanah yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 [*Akta 100*] atau mana-mana syarikat yang diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

“tahun kewangan” ertinya tempoh yang berakhir pada hari ketiga puluh satu Disember pada setiap tahun;

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh mula berkuat kuasa Akta ini yang ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen 1(2).

## BAHAGIAN II

### KUMPULAN WANG PESARAAN (DIPERBADANKAN)

#### **Penubuhan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)**

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadanan) ditubuhkan.

(2) Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

(3) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), atas apa-apa terma yang disifatkannya patut, boleh—

- (a) membuat kontrak; dan
- (b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih; dan
- (c) memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai janjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan hak

milik, atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan dalamnya yang terletak hak pada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

#### **Fungsi dan kuasa Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)**

4. (1) Fungsi Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) adalah untuk mentadbir dan menguruskan Kumpulan Wang mengikut dan bagi maksud yang ditetapkan di bawah Akta ini dan melakukan apa-apa perkara lain yang dikehendaki atau dibenarkan untuk dilakukan di bawah Akta ini.

(2) Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) hendaklah mempunyai kuasa untuk melaksanakan mana-mana atau kesemua fungsinya, secara keseluruhan atau sebahagiannya, di dalam atau di luar Malaysia.

(3) Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan kelulusan Menteri, boleh —

- (a) membuat apa-apa usaha sama, pengusahaan atau apa-apa bentuk kerjasama atau perkiraan lain bagi perkongsian untung atau menjalankan aktivitinya yang bersekutu dengan, atau selainnya, mana-mana pihak berkuasa awam atau badan kerajaan yang menjalankan atau terlibat dalam apa-apa aktiviti itu;
- (b) melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menubuhkan suatu perbadanan dengan apa-apa nama yang difikirkan patut oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), untuk menjalankan dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang telah dirancang atau diusahakan oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi membantu melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini, dan perbadanan itu boleh berbuat demikian sama ada dengan

sendiri atau dengan membuat perkongsian atau apa-apa perkiraan bagi perkongsian untung, kerjasama, usaha sama atau selainnya; dan

- (c) memperbadankan atau mengambil alih suatu syarikat atau perbadanan lain yang diperbadankan di bawah undang-undang yang berbidang kuasa asing, untuk menjalankan atau terlibat dalam mana-mana aktiviti yang diluluskan atau diusahakan oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

(4) Peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi suatu perbadanan yang ditubuhkan di bawah perenggan (3)(b).

**Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) boleh bertindak sebagai ejen Kerajaan**

**4A.** (1) Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) boleh bertindak sebagai ejen Kerajaan Malaysia bagi maksud pembayaran apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis daripada Kumpulan Wang Disatukan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dipersetujui antara Kerajaan Malaysia dengan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

(2) Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) boleh dibayar oleh Kerajaan Malaysia bagi perkhidmatan yang diberikan olehnya sebagai ejen Kerajaan Malaysia di bawah subseksyen (1).

**Meterai perbadanan**

**5.** Meterai perbadanan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) hendaklah mempunyai suatu tanda yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai perbadanan itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Pegawai Eksekutif dan hendaklah disahkan sama ada oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa sewajarnya oleh Lembaga secara bertulis.

(3) Segala surat ikatan, dokumen, dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan itu dan disahkan mengikut subseksyen (2) hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(4) Apa-apa surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan, boleh mengikut cara yang sama disempurnakan oleh seorang anggota Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau mana-mana pegawai atau pekhidmat Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) yang diberi kuasa bagi pihaknya.

(5) Meterai perbadanan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

## **Lembaga**

**6.** (1) Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) hendaklah mempunyai suatu lembaga yang bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

(2) Walau apa pun subseksyen (1), semua perkara mengenai pelaburan Kumpulan Wang hendaklah, tertakluk kepada subseksyen 7(4), diuruskan oleh Panel Pelaburan.

(3) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melaksanakan kewajipannya sebagaimana yang diberikan atau dikenakan oleh Akta ini dan melakukan segala tindakan yang boleh dijalankan atau dilakukan oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

(4) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan;
- (b) seorang wakil daripada Bank Negara Malaysia;
- (c) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;
- (d) Ketua Pegawai Eksekutif yang hendaklah menjadi anggota *ex-officio*;
- (e) tiga orang wakil Kerajaan Malaysia;
- (f) tiga orang lain daripada sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan, pelaburan, perbankan atau kewangan; dan
- (g) seorang yang, pada pendapat Menteri, hendaklah secara adil mewakili pencarum kepada Kumpulan Wang itu selain wakil Kerajaan Malaysia.

(5) Lembaga boleh —

- (a) melantik wakil atau ejen dan penasihat teknikal termasuk aktuari, peguam bela dan peguam cara, jurubank, pengurus dana, broker saham, juruukur, penilai atau mana-mana pakar atau profesional lain untuk menjalankan apa-apa urusan atau untuk melakukan apa-apa tindakan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan pada melaksanakan fungsinya atau bagi melaksanakan maksud Akta ini dengan lebih baik; dan
- (b) membayar daripada Kumpulan Wang segala caj dan perbelanjaan yang dilakukan.

(6) Atas permintaan Panel Pelaburan, Lembaga boleh melantik dan membayar mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (5), di dalam atau di luar Malaysia, sebagaimana yang dikehendaki oleh Panel Pelaburan bagi maksud menjalankan kewajipan dan fungsinya di bawah Akta ini.

(7) Menteri boleh mengeluarkan garis panduan am yang selaras dengan peruntukan Akta ini berkenaan dengan perjalanan fungsi Lembaga dan Lembaga hendaklah melaksanakan semua garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

(8) Peruntukan Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi anggota Lembaga.

### **Panel Pelaburan**

7. (1) Suatu Panel Pelaburan yang bertanggungjawab bagi perkara mengenai pelaburan Kumpulan Wang ditubuhkan.

(2) Panel Pelaburan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah Pengerusi Lembaga atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Menteri;
- (b) *(Dipotong oleh A1496)*.
- (c) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;
- (d) Ketua Pegawai Eksekutif yang hendaklah menjadi setiausaha; dan
- (e) empat orang daripada sektor awam atau swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan, pelaburan, perbankan atau kewangan.

(3) Panel Pelaburan boleh, dengan kelulusan Menteri terlebih dahulu, mewakili kepada Pengerusinya mana-mana kuasa yang dinyatakan dalam subseksyen 14(1), bagi maksud menjalankan fungsinya semasa kecemasan, sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Lembaga. Pengerusi hendaklah menjalankan kuasa itu mengikut arahan Panel Pelaburan.

(4) Panel Pelaburan hendaklah tertakluk kepada apa-apa arahan mengenai dasar am yang dikeluarkan oleh Lembaga dan diluluskan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(5) Panel Pelaburan hendaklah melaporkan aktivitiya kepada Lembaga mengikut apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(6) Peruntukan Jadual Kedua hendaklah terpakai bagi anggota Panel Pelaburan.

### **Jawatankuasa**

**8.** (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini. Lembaga boleh menentukan pengerusi, bilangan anggota dan bidang tugas setiap jawatankuasa yang ditubuhkan.

(2) Anggota sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam terma pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(3) Seseorang anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan suatu notis secara bertulis kepada pengerusi jawatankuasa itu.

(4) Lembaga boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(5) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(6) Sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri dan, pada menjalankan kuasanya di bawah subseksyen ini, jawatankuasa itu adalah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa itu oleh Lembaga.

(7) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu, tertakluk kepada apa-apa arahan Lembaga di bawah subseksyen (6).

(8) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya —

(a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan minit semua mesyuaratnya hendaklah dikemukakan kepada Lembaga dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(9) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa bagi maksud menasihatinya mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mana-mana mesyuarat.

(10) Anggota sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (9) hendaklah dibayar apa-apa elaun dan belanja lain yang ditentukan oleh Lembaga.

### **Ketua Pegawai Eksekutif**

9. (1) Tertakluk kepada kelulusan Menteri, Lembaga boleh melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif atas apa-apa terma dan syarat yang disifatkan patut oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh melantik mana-mana anggota Lembaga untuk bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif jika —

- (a) terdapat kekosongan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif di bawah subseksyen (1); atau
- (b) Ketua Pegawai Eksekutif tidak berupaya oleh sebab sakit, bercuti atau apa-apa sebab lain untuk melaksanakan tugas jawatannya.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai apa-apa kuasa dan kewajipan yang diberikan atau dikenakan ke atasnya oleh Akta ini yang diberikan atau dikenakan oleh Lembaga dari semasa ke semasa sebagai tambahan kepada apa-apa kuasa atau kewajipan sebagaimana yang dinyatakan dalam kontrak pelantikannya.

(4) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan hal ehwal hari ke hari Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), termasuk bagi pelaksanaan keputusan yang dibuat oleh Lembaga dan keputusan pelaburan yang dibuat oleh Panel Pelaburan mengikut seksyen 14 dan bagi kawalan pentadbiran pekerja, pegawai dan pekhidmat.

(5) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab menjawab dan bertanggungjawab menerangkan kepada Lembaga bagi penjalanan kuasanya dan pelaksanaan kewajipannya.

(6) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dibayar apa-apa saraan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, dengan kelulusan Menteri.

**Pelantikan pegawai, pekhidmat, wakil, ejen, dsb.**

**10.** (1) Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen 12, Lembaga boleh dari semasa ke semasa melantik dan mengambil khidmat mana-mana pegawai dan pekhidmat atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Lembaga bagi

melaksanakan maksud Akta ini dan menjalankan kawalan tatatertib terhadap pegawai dan pekhidmat itu.

(2) Lembaga boleh mewakilkan kepada mana-mana anggota Lembaga, anggota jawatankuasa atau pegawai, yang terdiri daripada anggota atau pegawai itu atau kedua-dua anggota dan pegawai itu, yang dilantik oleh Lembaga, mana-mana kuasanya di bawah subseksyen (1) dan anggota Lembaga, anggota jawatankuasa atau pegawai itu hendaklah menjalankan kuasa itu di bawah arahan dan kawalan Lembaga.

(3) Pegawai dan pekhidmat Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh, menerima apa-apa saraan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat perkhidmatan termasuk faedah persaraan sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Lembaga.

(4) Lembaga boleh, melalui surat cara di bawah meterainya, melantik mana-mana orang di dalam atau di luar Malaysia untuk menjadi wakil atau ejen Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi apa-apa maksud dan dengan apa-apa kuasa sebagaimana yang disifatkan patut oleh Lembaga untuk diberikan melalui surat cara itu.

### **Penzahiran kepentingan**

**11.** (1) Mana-mana anggota Lembaga, Panel Pelaburan atau jawatankuasa yang mempunyai atau memperoleh suatu kepentingan langsung atau tidak langsung olehnya sendiri, melalui anggota keluarganya atau melalui sekutunya berhubung dengan apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga, Panel Pelaburan atau jawatankuasa itu hendaklah menzahirkan kepada Lembaga, Panel Pelaburan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga, Panel Pelaburan atau jawatankuasa

itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu, anggota itu —

- (a) tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Lembaga, Panel Pelaburan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai perkara itu; dan
- (b) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum Lembaga, Panel Pelaburan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,

apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Seseorang anggota Lembaga, Panel Pelaburan atau jawatankuasa yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(4) Tiada tindakan atau prosiding Lembaga, Panel Pelaburan atau jawatankuasa boleh ditidaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Lembaga, Panel Pelaburan atau jawatankuasa telah melanggar seksyen ini.

(5) Bagi maksud seksyen ini—

“anggota keluarganya”, berhubung dengan seseorang anggota Lembaga, Panel Pelaburan atau jawatankuasa, termasuklah—

- (a) suami atau isterinya;
- (b) ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya);
- (c) anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri);

(d) adik-beradiknya (termasuk adik-beradik suami atau isterinya); dan

(e) suami atau isteri anaknya atau adik-beradiknya;

“sekutu”, berhubung dengan seseorang anggota Lembaga, Panel Pelaburan atau jawatankuasa, ertinya—

(a) seorang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;

(b) firma yang anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsinya;

(c) pekongsi anggota itu;

(d) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau seorang anggota keluarganya adalah seorang benefisiari; atau

(e) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965, yang anggota itu atau mana-mana penamanya atau seseorang anggota keluarganya adalah seorang pengarah atau mempunyai pemegangan syer yang substansial dalam perbadanan itu.

### **Kuasa Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan**

**12.** (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat—

(a) berkenaan dengan perkara kewangan dan perakaunan, termasuk penyimpanan, penutupan dan pengauditan akaun

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan pewujudan tatacara kewangan dan perakaunannya sendiri;

- (b) untuk menetapkan tanggungjawab pegawai dan pekhidmat Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) termasuk perkara berkenaan dengan saraan, terma dan syarat perkhidmatan, tempoh perkhidmatan dan cuti pegawai dan pekhidmatnya;
- (c) berkenaan dengan kelakuan dan tata tertib pegawai dan pekhidmat Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), penubuhan pihak berkuasa tata tertib yang sesuai bagi kategori pegawai dan pekhidmat yang berlainan. Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh mewujudkan apa-apa kesalahan tata tertib dan mengadakan peruntukan bagi apa-apa hukuman tata tertib sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pemecatan atau penurunan pangkat, dan boleh termasuk peruntukan bagi tahan kerja dengan pengurangan saraan atau penggantungan tanpa saraan pegawai atau pekhidmat itu semasa menunggu selesainya prosiding tata tertib terhadapnya;
- (d) berkenaan dengan penubuhan jawatankuasa dan tatacara jawatankuasa itu;
- (e) untuk mengawal selia tataranya sendiri termasuk tatacara yang berhubungan dengan perkara pengendalian;
- (f) untuk menetapkan cara dokumen, cek dan surat cara apa-apa perihalan hendaklah ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan);
- (g) untuk menetapkan hal keadaan kecemasan sebagaimana yang dijangkakan oleh subseksyen 7(3);

- (h) untuk mengawal selia tatacaranya sendiri berkenaan dengan wang tak dituntut tertakluk kepada seksyen 15; dan
  - (i) untuk mengadakan peruntukan bagi segala perkara yang dikehendaki ditetapkan atau yang perlu atau suai manfaat untuk memberikan kuat kuasa kepada dan bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.
- (3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini —
- (a) boleh memperuntukkan bahawa apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar mana-mana peruntukan menjadi suatu kesalahan; dan
  - (b) boleh mengadakan peruntukan bagi pengenaan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau tempoh pemenjaraan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan itu.

### BAHAGIAN III

### KEWANGAN

#### **Kumpulan Wang Persaraan**

**13.** (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Persaraan ditubuhkan.

(2) Hendaklah dibayar atau dipindahkan dari semasa ke semasa ke dalam Kumpulan Wang —

- (a) wang yang diuntukkan daripada Kumpulan Wang Disatukan kepada dan bagi maksud Kumpulan Wang;
- (b) apa-apa jumlah wang yang dibayar dari semasa ke semasa oleh Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada Kumpulan Wang di bawah seksyen 56

Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*];

- (c) semua caruman bulanan yang dibuat oleh majikan dan pertubuhan kepada Kumpulan Wang di bawah seksyen 8 Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [*Akta 239*];
- (d) wang dan apa-apa harta lain yang diperoleh atau terhasil daripada mana-mana pelaburan Kumpulan Wang;
- (da) wang yang diterima oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) kepada Kerajaan Malaysia sebagai ejennya di bawah seksyen 4A; dan
- (e) caruman daripada pegawai berpencen sebagaimana yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pencen.

(3) Wang dan harta yang disebut dalam perenggan (2)(d) hendaklah termasuk—

- (a) wang yang diperoleh daripada pengendalian apa-apa projek, agensi, skim atau perusahaan yang diusahakan oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan);
- (b) apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, pajakan, sewaan, gadaian atau debentur yang diperoleh atau terletak hak pada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan wang yang diperoleh atau terhasil daripadanya; dan
- (c) segala jumlah wang atau harta lain yang mengikut apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi, kuasa atau kewajipannya.

(4) Walau apa pun subseksyen (2) dan (3), hendaklah dibayar ke dalam atau terletak hak pada Kumpulan Wang apa-apa wang dan harta daripada mana-mana sumber atau di bawah mana-mana undang-undang atau sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri.

(5) Kumpulan Wang hendaklah digunakan bagi kos pembayaran apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengikut apa-apa cara dan pada bila-bila masa sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri.

(6) Kumpulan Wang boleh digunakan bagi—

- (a) menjelaskan segala pembayaran yang dikehendaki dibuat di bawah Akta ini;
- (b) apa-apa pelaburan yang dibenarkan di bawah Akta ini;
- (c) pembayaran bagi memenuhi apa-apa penghakiman, keputusan atau award oleh mana-mana mahkamah atau tribunal terhadap Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan);
- (d) membayar belanja, kos atau perbelanjaan yang dilakukan dengan sewajarnya dan perlu oleh Lembaga dalam melaksanakan kewajibannya;
- (e) kos dan belanja yang dilakukan bagi penubuhan, pemerbadanan atau pemerolehan sesuatu perbadanan atau syarikat di bawah perenggan 4(3)(b) atau (c);
- (f) saraan, faedah penamatan dan pemberian pinjaman dan pendahuluan kepada pekerja, pegawai atau pekhidmat Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) mengikut mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini atau atas apa-apa terma sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga; dan

- (g) apa-apa kos pentadbiran, belanja, perbelanjaan atau pembayaran lain yang berpunca daripada atau bersampingan dengan atau berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan Kumpulan Wang dan bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

(7) Mana-mana orang yang menyebabkan wang atau apa-apa harta yang kena dibayar atau dipindahkan daripada Kumpulan Wang dengan melanggar subseksyen (4), (5) dan (6) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

### **Pelaburan Kumpulan Wang**

**14.** (1) Panel Pelaburan hendaklah, tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan yang boleh dikenakan mengikut apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen 7(4), melaburkan Kumpulan Wang—

- (a) sebagai deposit dalam apa-apa mata wang termasuk ringgit dalam —
- (i) Bank Negara Malaysia;
  - (ii) mana-mana institusi kewangan berlesen yang sewajarnya sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*];
  - (iii) mana-mana institusi kewangan pembangunan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];
  - (iv) mana-mana bank Islam di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*]; atau

- (v) mana-mana bank atau institusi kewangan berlesen yang sewajarnya di luar Malaysia;
- (b) dalam surat cara pasaran wang, termasuk bil perbendaharaan, penerimaan jurubank, perakuan deposit dan apa-apa surat cara yang diiktiraf oleh badan pengawal selia yang berkaitan dalam apa-apa mata wang termasuk ringgit;
- (c) dalam pinjaman, atas terma yang menguntungkan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri di Malaysia tertakluk kepada Perkara 111 Perlembagaan Persekutuan;
- (d) dalam pinjaman, atas terma yang menguntungkan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan dengan kriteria kredit yang boleh diterima, berkenaan dengan mana-mana pihak berkuasa awam atau perbadanan yang Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan dalamnya;
- (e) dalam pinjaman, atas terma yang menguntungkan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), berkenaan dengan mana-mana syarikat;
- (f) dalam bon, nota perdagangan, sekuriti hutang persendirian, nota janji hutang dan bil pertukaran mengikut pengertian Akta Bil Pertukaran 1949 [*Akta 204*] dan surat cara boleh niaga lain yang serupa jenis atas terma yang menguntungkan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), berkenaan dengan mana-mana syarikat atau perbadanan;
- (g) dalam bon, nota perdagangan, sekuriti hutang persendirian, nota janji hutang dan bil pertukaran mengikut pengertian Akta Bil Pertukaran 1949 dan surat

cara boleh niaga lain yang serupa jenis atas terma yang menguntungkan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), berkenaan dengan mana-mana pihak berkuasa awam atau perbadanan yang Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan dalamnya;

- (h) dalam pemerolehan atau langganan syer atau debentur dalam mana-mana syarikat awam yang sekuritinya disenaraikan atau telah diluluskan untuk disenaraikan di bursa saham di Malaysia, terbitan atau jualan yang telah diluluskan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*] atau sekuriti dalam suatu syarikat yang telah diluluskan untuk disenaraikan di mana-mana bursa saham di luar Malaysia tertakluk kepada penyenaian sekuriti tersebut telah diluluskan oleh undang-undang dalam bidang kuasa asing;
- (i) dalam sekuriti syarikat atau perbadanan yang tidak disenaraikan dan disebut dalam mana-mana bursa saham yang ditubuhkan di Malaysia dengan syarat bahawa jumlah amaun wang yang dilaburkan sedemikian dalam mana-mana satu syarikat atau perbadanan tidak lebih daripada tiga puluh peratus daripada jumlah amaun dana pemegang syer bagi perusahaan itu pada masa pelaburan melainkan jika kelulusan bertulis terdahulu Menteri telah diperoleh untuk melabur dalam lebihan peratusan itu;
- (j) dalam pemerolehan harta alih atau harta tak alih dan kepentingan dalamnya;
- (ja) dengan kelulusan Menteri —
  - (i) dalam pembangunan bangunan, infrastruktur dan sumber asli, dan kepentingan dalamnya;
  - (ii) dalam sekuriti yang diterbitkan atau dijamin sepenuhnya oleh mana-mana kerajaan berdaulat, organisasi supranasional atau multilateral dan

termasuklah sekuriti yang penanggung obligasinya adalah mana-mana kerajaan berdaulat, organisasi supranasional atau multilateral;

- (iii) dalam sekuriti yang diterbitkan atau dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia, dijamin oleh mana-mana kerajaan berdaulat, organisasi supranasional atau multilateral dan termasuklah sekuriti yang penanggung obligasinya adalah mana-mana kerajaan berdaulat, organisasi supranasional atau multilateral dan apa-apa surat cara yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia;
- (iv) dalam membeli sekuriti atau melanggan apa-apa produk bagi maksud perlindungan nilai pelaburan Kumpulan Wang;
- (v) dalam dana ekuiti persendirian yang diuruskan oleh —
  - (A) mana-mana syarikat pengurusan dana yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
  - (B) mana-mana syarikat pengurusan dana yang didaftarkan oleh mana-mana badan pengawal selia di luar Malaysia; atau
  - (C) mana-mana perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan oleh mana-mana badan pengawal selia di luar Malaysia; dan
- (k) dalam apa-apa pelaburan lain dengan kelulusan Menteri.

(2) Dalam memberikan apa-apa kelulusan di bawah perenggan (1)(i) dan (ja), Menteri boleh mengenakan apa-apa terma atau syarat yang difikirkannya perlu.

(3) Mana-mana orang yang menyebabkan wang atau apa-apa harta dilaburkan dengan melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

### **Wang tak dituntut**

**15.** (1) Tertakluk kepada pengecualian yang dibuat di bawah seksyen 18 Akta Wang Tak Dituntut 1965 [*Akta 370*], segala wang yang tak dituntut yang dipegang oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) hendaklah dimasukkan ke dalam suatu daftar yang disimpan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

(2) Walau apa pun undang-undang yang berlawanan, segala wang yang tak dituntut hendaklah dipegang di bawah Kumpulan Wang sehingga wang itu dibayar kepada orang yang berhak kepadanya, yang, berkenaan dengan seseorang individu, waris, wasi, wakil persendirian, pentadbir, penyerah hak, wakil yang sah atau ejen individu itu.

### **Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980**

**16.** Peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

### **Anggaran tahunan**

**17.** Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah, tidak lewat daripada satu bulan sebelum bermulanya setiap tahun kewangan, membentangkan di hadapan Lembaga suatu anggaran perbelanjaan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) termasuk perbelanjaan modal, bagi tahun yang berikutnya dengan apa-apa butir dan dalam bentuk yang ditentukan oleh Lembaga.

## BAHAGIAN IV

## AM

**Jaminan Kerajaan bagi pembayaran**

**18.** (1) Jika apa-apa hutang atau liabiliti Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) tidak boleh dijelaskan oleh Kumpulan Wang, hutang atau liabiliti itu hendaklah dipertanggungjawabkan pada dan kena dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan.

(2) Apa-apa pembayaran daripada Kumpulan Wang Disatukan di bawah subseksyen (1) hendaklah secepat yang dapat dilaksanakan dibayar balik oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) kepada Kumpulan Wang Disatukan dan sehingga pembayaran balik itu telah dibuat, apa-apa jumlah wang yang belum dibayar hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan dan terjamin oleh gadaian pertama atas aset Kumpulan Wang.

**Percubaan dan persubahatan yang boleh dihukum sebagai kesalahan**

**19.** (1) Mana-mana orang yang —

- (a) cuba untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (b) melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan atau bagi membantu pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; atau
- (c) bersubahat atau terlibat dalam suatu konspirasi jenayah sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan [Akta 574] untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah

Akta ini, sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit dengannya,

melakukan kesalahan itu dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan penalti yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

**Liabiliti pengurus, dsb.**

**20.** (1) Jika apa-apa kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan oleh seseorang, yang dalam seksyen ini disebut sebagai “prinsipal”, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu, mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan urusan atau hal ehwal prinsipal itu atau membantu dalam pengurusan itu melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa keizinan atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah yang patut diambil olehnya, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu, untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana prinsipal boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekhidmat atau ejennya jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan oleh pekhidmat itu dalam perjalanan pekerjaannya atau oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak prinsipal itu.

**Pekhidmat awam dan perlindungan**

**21.** (1) Semua anggota Lembaga, Panel Pelaburan, jawatankuasa, pegawai dan pekhidmat Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

(2) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau

prosiding terhadap mana-mana anggota Lembaga, Panel Pelaburan, jawatankuasa, pegawai dan pekhidmat Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) berkenaan dengan apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran yang dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.

### **Obligasi kerahsiaan**

**21A.** (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud mana-mana prosiding sivil atau jenayah di bawah undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Lembaga —

(a) tiada anggota Lembaga, Panel Pelaburan, jawatankuasa, pegawai dan pekerja Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau mana-mana orang yang menghadiri apa-apa mesyuarat Lembaga, Panel Pelaburan atau mana-mana jawatankuasanya, sama ada dalam atau selepas tempoh jawatan atau pekerjaannya, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang didapatinya semasa melaksanakan tugasnya dan yang tidak disiarkan mengikut Akta ini; dan

(b) tiada seorang lain pun yang melalui apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) boleh menzahirkan maklumat atau dokumen tersebut.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Kuasa untuk meminda Jadual**

**22.** Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* meminda, membatalkan, menambah kepada atau mengubah mana-mana Jadual kepada Akta ini.

BAHAGIAN V

PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

**Pemansuhan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991**

**23.** Pada tarikh yang ditetapkan—

- (a) Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 [*Akta 454*], yang disebut sebagai “Akta yang dimansuhkan” dalam Akta ini, hendaklah terhenti berkuat kuasa dan hendaklah dimansuhkan; dan;
- (b) Kumpulan Wang Amanah Pencen, Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen dan Panel Pelaburan yang ditubuhkan di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah terhenti wujud;

**Penerusan undang-undang, dsb.**

**24.** (1) Tertakluk kepada Akta ini, semua undang-undang bertulis yang menyentuh atau bagi perlindungan Kumpulan Wang Amanah Pencen dan berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, sehingga dipinda atau dibatalkan oleh pihak berkuasa yang mempunyai kuasa untuk berbuat sedemikian, terus berkuat kuasa pada dan selepas tarikh yang ditetapkan dan ditafsirkan seolah-olah Akta ini tidak diperbuat.

(2) Apa-apa sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis mengenai Akta yang dimansuhkan, Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen atau Kumpulan Wang Amanah Pencen hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta ini, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau Kumpulan Wang, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan ungkapan yang mengandungi sebutan sedemikian hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

**Perpindahan kuasa, dsb.**

25. Tertakluk kepada Akta ini, segala kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti atau obligasi yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan merupakan kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti atau obligasi Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen hendaklah mulai dari tarikh itu turun kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

**Pemindahan hak milik tanah dan harta**

26. (1) Tertakluk kepada Akta ini, segala tanah sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan yang terletak hak pada Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen hendaklah pada tarikh itu terletak hak pada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

(2) Tertakluk kepada Akta ini dan apa-apa arahan Menteri, segala hak dalam tindakan, aset dan apa jua harta lain selain tanah yang sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan terletak hak pada Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen atau mana-mana orang bagi pihak Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen hendaklah pada tarikh itu terletak hak pada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

**Kontrak sedia ada**

27. Tertakluk kepada Akta ini, segala surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang wujud sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan dan menyentuh mana-mana harta yang dipindah hak milik di bawah seksyen 26 hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya terhadap atau memihak kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan boleh dikuatkuasakan sepenuhnya dan berkesan seolah-olah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan bukannya Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen telah dinamakan dalamnya atau telah menjadi pihak kepadanya.

### **Penerusan prosiding sivil dan jenayah**

**28.** (1) Tertakluk kepada Akta ini, baik pemansuhan Akta yang dimansuhkan mahupun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini tidak boleh menjejaskan liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta yang dimansuhkan sebelum tarikh yang ditetapkan, atau apa-apa prosiding yang dibawa atau hukuman yang dikenakan sebelum tarikh itu berkenaan dengan kesalahan itu.

(2) Tertakluk kepada Akta ini, apa-apa prosiding sama ada sivil atau jenayah, atau kausa tindakan yang belum selesai atau yang wujud sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan oleh atau terhadap Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Majlis itu boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) sebagaimana ia boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen atau orang itu seolah-olah Akta ini tidak diperbuat.

(3) Apa-apa rayuan yang dibawa atau apa-apa kebenaran merayu yang dipohon pada atau selepas tarikh yang ditetapkan terhadap suatu keputusan yang diberikan dalam mana-mana prosiding undang-undang sebelum tarikh itu yang kepadanya Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen menjadi pihak bolehlah dibawa oleh atau terhadap Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

### **Pemindahan Kumpulan Wang**

**29.** Tertakluk kepada Akta ini, segala wang yang berada dalam dan kena dibayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen yang ditubuhkan di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah pada tarikh yang ditetapkan dipindahkan kepada Kumpulan Wang.

---

## JADUAL PERTAMA

[Perenggan 4(3)(b)]

**Peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan**

1. Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) hendaklah, pada atau sebelum tarikh apa-apa perbadanan ditubuhkan di bawah perenggan 4(3)(b), membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan itu yang memperuntukkan bagi—

- (a) maksud dan tujuan perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak, kuasa, kewajipan dan fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu;
- (d) prosiding dan mesyuarat perbadanan, termasuk kuorum yang dikehendaki, dan cara mengundi di mesyuarat;
- (e) kewangan perbadanan, akaun yang hendak disimpan dan pengauditan akaun;
- (f) terma dan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmat perbadanan;
- (g) hubungan antara perbadanan itu dengan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan hak pengawalannya atas perbadanan itu; dan
- (h) apa-apa perkara yang berhubungan dengan penggulungan dan pembubaran perbadanan itu.

**Kuat kuasa peraturan-peraturan**

2. Tertakluk kepada peruntukan Akta ini dan perintah yang dibuat di bawah perenggan 4(3)(b), mana-mana peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 hendaklah mengikat perbadanan yang berkenaan dengannya peraturan-peraturan itu dibuat dan hendaklah mempunyai kuat kuasa bagi segala maksud seolah-olah peraturan-peraturan itu telah diperbuat dalam Akta ini.

**Pindaan peraturan-peraturan**

3. Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) boleh, pada bila-bila masa dengan kelulusan Menteri, meminda, membatalkan, menambah kepada atau mengubah

mana-mana peraturan yang dibuat berkenaan dengan mana-mana perbadanan di bawah perenggan 1.

### **Penggulungan**

4. (1) Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) boleh, dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

(2) Takat liabiliti perbadanan kepada pemiutangnya hendaklah terhad kepada nilai asetnya pada masa perintah penggulungan dan pembubaran itu berkuat kuasa.

(3) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan di bawah perenggan ini, aset perbadanan itu selepas dilepaskan segala liabilitinya hendaklah dipindahkan kepada dan terletak hak pada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

(4) Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) tidak boleh dipanggil pada bila-bila masa untuk menjelaskan liabiliti perbadanan sekiranya aset perbadanan itu tidak mencukupi untuk menjelaskan liabilitinya.

### **Taraf perbadanan**

5. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah perenggan 4(3)(b) hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberikan kepadanya oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan). Perbadanan itu hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan boleh membawa guaman atau dibawa guaman atas nama itu, dan boleh membuat kontrak dan memegang dan membuat urusan dengan apa-apa harta alih atau harta tak alih dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan selaras dengan peruntukan Akta ini dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan sebagaimana yang ditetapkan oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dalam setiap hal.

### **Meterai perbadanan**

6. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan, yang mengandungi apa-apa tanda yang perbadanan, dengan kelulusan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), boleh luluskan dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu oleh perbadanan sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan itu.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh perbadanan di bawah perenggan ini, suatu cap yang mengandungi nama perbadanan yang mengelilingi perkataan

“Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)” boleh digunakan sebagai meterai perbadanan.

(3) Meterai perbadanan atau cap yang disebut dalam subperenggan (2) hendaklah disimpan dalam jagaan mana-mana orang sebagaimana yang diarahkan oleh perbadanan dan hendaklah disahkan oleh orang itu.

(4) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan atau dicapkan, yang disahkan sebagaimana yang diperuntukkan dalam subperenggan (3), hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya.

(5) Apa-apa surat ikatan, dokumen atau surat cara yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan, boleh mengikut cara yang sama disempurnakan oleh perbadanan itu atau mana-mana pegawai atau pekhidmat perbadanan yang diberi kuasa bagi pihaknya.

(6) Meterai perbadanan bagi tiap-tiap perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

---

#### JADUAL KEDUA

[Subseksyen 6(8) dan 7(6)]

#### **Pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan**

1. (1) Seseorang anggota Lembaga atau Panel Pelaburan hendaklah, tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan setelah tamat tempoh itu, layak untuk dilantik semula.

(2) Pelantikan mana-mana anggota boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(3) Seseorang anggota boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberi surat yang ditujukan kepada Menteri.

(4) Tiap-tiap anggota hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga dan Panel Pelaburan masing-masing, sebanyak yang perlu bagi menunaikan kewajipannya dengan berkesan.

**Pengosongan jawatan**

2. (1) Jawatan anggota Lembaga atau Panel Pelaburan hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia mati;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya atau jika dia telah disabitkan atas sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—
  - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
  - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
  - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) dia menjadi bankrap;
- (d) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajibannya;
- (e) dia gagal menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi Lembaga atau Pengerusi Panel Pelaburan, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (f) peletakan jawatannya diterima oleh Menteri.

(2) Jika mana-mana orang berhenti menjadi anggota oleh sebab mana-mana peruntukan lain Akta ini, orang lain hendaklah dilantik untuk menggantikannya.

**Saraan**

3. Tertakluk kepada kelulusan Menteri, anggota Lembaga dan Panel Pelaburan hendaklah dibayar apa-apa saraan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

**Mesyuarat**

4. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tiga bulan.

(2) Panel Pelaburan hendaklah bermesyuarat sebagaimana dan apabila dikehendaki.

(3) Pengerusi dan dua anggota lain Lembaga atau Panel Pelaburan hendaklah membentuk suatu kuorum pada mana-mana mesyuarat Lembaga dan Panel Pelaburan masing-masing.

(4) Pengerusi atau, jika ketiadaannya, anggota yang dipilih oleh anggota yang hadir hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(5) Jika atas apa-apa persoalan terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi asalnya.

(6) Apa-apa minit mesyuarat Lembaga dan Panel Pelaburan hendaklah, jika ditandatangani sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa dibuktikan selanjutnya dan tiap-tiap mesyuarat yang berkenaan dengannya minit telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

(7) Tertakluk kepada subperenggan (1), (2), (3), (4) dan (5), Lembaga dan Panel Pelaburan boleh menentukan tataranya sendiri.

**Panel Pelaburan boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat**

5. Panel Pelaburan boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota Panel Pelaburan untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan itu.

**Minit**

6. Lembaga dan Panel Pelaburan hendaklah menyebabkan minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 662****AKTA KUMPULAN WANG PERSARAAN 2007**

## SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1496	Akta Kumpulan Wang Persaraan (Pindaan) 2015	21-10-2015

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 662****AKTA KUMPULAN WANG PERSARAAN 2007****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A1496	21-10-2015
4A	Akta A1496	21-10-2015
6	Akta A1496	21-10-2015
7	Akta A1496	21-10-2015
13	Akta A1496	21-10-2015
14	Akta A1496	21-10-2015
21A	Akta A1496	21-10-2015

---